

1979

KUALA LUMPUR, 5 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENDEDAH HARI INI KEGIATAN DUA GOLONGAN YANG CUBA MEMECAH PERPADUAN MELAYU UNTUK BERKUASA TANPA PROSES DEMOKRASI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN TERSEBUT — SOSIALIS KOMUNIS DAN OPORTUNIS AGAMA — MENGGUNAKAN MASALAH MERACUNI PEMIKIRAN ORANG MELAYU.

BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UNO DI SINI, BELIAU BERKATA MATLAMAT PUAK SOSIALIS IALAH UNTUK MENGADAKAN +GENERAL STRIKE+ SELURUH NEGARA BAGI MENJATUHKAN KERAJAAN.

DENGAN INI PARA PEMIMPIN SOSIALIS PERHARAP MENDAPAT KUASA TANPA MELALUI PROSES DEMOKRASI, KATANYA.

GOLONGAN OPORTUNIS AGAMA JUGA MEMPUYAI TUJUAN YANG SAMA DENGAN CARA MEMUTAR-BELITKAN AJARAN ISLAM UNTUK MENGELIRU PEMIKIRAN RAKYAT.

APA YANG MENYEDIHKAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, IALAH SEBILANGAN KECIL AHLI-AHLI UMNO SENDIRI TELAH TERPERANGKAP DENGAN TIPU HELAH GOLONGAN TERSEBUT +DAN DENGAN INI PERJUANGAN UMNO UNTUK BANGSANG DAN AGAMA TERANCAM DAN TERGUGAT.+ —

BERSAMBUNG 1000/A7
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO, BERKATA PERKARA SEUMPAMA ITU BOLEH BERLAKU KERANA TERDAPAT SIKAP KEANGKUAN KUASA DAN +TAK SEDAR KEDIRI+ DI KALANGAN BEBERAPA SEGMENT ORANG MELAYU.

ORANG-ORANG SEPERTI ITU BERPENDAPAT MEREKA PERLU MENUNTUT LEBIH DARIPADA YANG SUDAH ADA TANPA KHUATIR BAHAWA KUASA BOLEH HILANG DARI TANGAN MEREKA JIKA TIDAK DIPELIHARAKAN DENGAN BAIK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA ADA KUMPULAN-KUMPULAN ORANG MELAYU YANG GIAT MENGADAKAN SERPIHAN-SERPIHAN DARI MASYARAKAT MELAYU TANPA SEBAB YANG WARAS.

APABIKLA WUJUDNYA SERPIHAN INI MAKA TUMPUAN KEGIATAN MEREKA IALAH MEMBURUK DAN MEMECAH BAKI YANG MASIH BERSATUPADU TANPA MENGIKIRKAN APAKAH KESAN KEGIATAN MEREKA TERHADAP ORANG MELAYU SERTA AGAMA DAN NEGARA MEREKA.

KUMPULAN-KUMPULAN INI MEMPERALATKAN MASALAH SOSIAL DAN EKONOMI DENGAN MENGECEM APA YANG MEREKA KATAKAN KETIADAKADILAN SOSIAL.

BAGI MEREKA, MASYARAKAT YANG BAHASIA IALAH MASYARAKAT YANG ANGGOTANYA MENDAPAT PENDAPATAN YANG SAMA — PENDAPAT YANG TIDAK BERBEZA DENGAN PENDAPAT KOMUNIS. — BERSAMBUNG 1003/AZ

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

KERANA DISOGOK OLEH SOSIALIS DAN KOMUNIS DENGAN NILAI INI, MEREKA MENERIMA PENDAPAT TERSEBUT TANPA KAJIAN DAN MENOLAK KENYATAAN YANG JELAS MENUNJUK BAHAWA SISTEM SOSIALIS MENJADIKAN RAKYAT MISKIN DAN HAMBIA KEPADA BEBERAPA KERAT PEMIMPIN YANG HIDUP MEWAH.

KESAN DARI KEMPEN PIHAK SOSIALIS INI TERHADAP ORANG MELAYU YANG BAHARU SAHAJA MULA MEMBANGUN IALAH KEMAJUAN YANG TERHALANG, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PIHAK SOSIALIS/KOMUNIS INI JUGA MEMESONGKAN TUMPUAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU DENGAN MENGHASUTKAN MEREKA UNTUK MELANCAR BERBAGAI TINDAKAN.

AKIBATNYA PELUANG BELAJAR YANG DISEDIAKAN UNTUK MEREKA TERCICIR DAN MEREKA TIDAK DAPAT MENGATASI KEMUNDURAN DIRI MEREKA.

DENGAN INI ORANG MELAYU AKAN TERUS KETINGGALAN DAN INI AKAN MEMBUKA JALAN KEPADA PIHAK KOMUNIS DAN SOSIALIS UNTUK MEMPERALATKAN MEREKA.

DALAM BIDANG PEKERJAAN, PELAJAR-PELAJAR DAN CERDIK-PANDAI SOSIALIS CUBA MEMPENGARUHI PEKERJA DAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA SUPAYA TIDAK MENUNJUK MINAT KEPADA PEKERJAAN. — BERSAMBUNG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PIHAK SOSIALIS MENGHASUT ORANG MELAYU SUPAYA TIDAK BEKERJA KUAT DAN MENGGUNAKAN TENAGA DAN KECEKAPAN MEREKA UNTUK MEROSAKKAN PERUSAHAAN YANG MEMBERI PELUANG MEREKA BEKERJA.

RAMAI ORANG MELAYU TERIKUT-IKUT DAN TIDAK MENYOAL MOTIF ORANG-ORANG YANG KONONNYA BERSIMPATI DENGAN MEREKA.

+PEKERJA MELAYU DENGAN MUDAH TERPERANGKAP DENGAN TARIKAN PENDAPATAN YANG LEBIH MELALUI UGUTAN DAN MENGIKUT TELUNJUK ORANG-ORANG INI,+ KATANYA.

+KESANNYA IALAH ORANG MELAYU TIDAK DAPAT MENINGGIKAN TARAF KECEKAPAN MEREKA DAN MEREKA MENDAPAT IMEJ SEBAGAI PENGACAU DAN PEMALAS YANG CUMA AKAN MEMBAWA MASALAH KEPADA SESIAPA YANG BERI PELUANG BEKERJA KEPADA MEREKA.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BUAT SATU MASA RAMAI JUGA DARI ANAK MUDA MELAYU, TERUTAMA DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI YANG CUBA MENGAMALKAN CARA SOSIALIS.

MEREKA TIDAK BELAJAR DAN MENGASAHKAN KECEKAPAN MEREKA TETAPI SEBALIKNYA MEREKA CUBA MENCAPAI MATLAMAT MEREKA DENGAN CARA MENGADAKAN HURU-HARA.

MEREKA MENGHASUT ORANG KAMPUNG DAN PEKERJA KILANG SUPAYA MENGGUNA DEMONSTRASI SEBAGAI CARA MUDAH MENDAPAT SESUATU BAGI DIRI SENDIRI. — BERSAMBUNG 1009/AZ

X

££

B508:

MAHATHIR-UMNO 5 KUALA LUMPUR

PENGARUH NAFSU JUGA DIGUNA OLEH PENUNTUT YANG PRO-SOSIALIS DALAM MENGUASAI FIKIRAN DAN GERAK-GERI PARA PEKERJA.

BILA ADA SAJA MOGOK ATAU LAIN-LAIN BUKTI KEGELISAHAN PEKERJA-PEKERJA KILANG DAN LAIN-LAIN PERUSAHAAN, MAKA SAMPAILAH KUNCU-KUNCU SOSIALIS UNTUK MENANGGUK DI AIR YANG KERUH.

MEREKA MEMBERI PANTUAN MORAL DAN WANG KONONNYA KERANA SIMPATI MEREKA TERHADAP PENDERITAAN KAUM BURUH.

WALHAL MAKSUD MEREKA IALAH UNTUK MENDAPAT PENGARUH SUPAYA KERAJAAN TAKUT KEPADA PEMIMPIN SOSIALIS DAN SEDIA MENGIKUT KEHENDAK MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MATLAMAT PUAH PRO-SOSIALIS IALAH UNTUK MENGADAKAN MOGOK UMUM (GENERAL STRIKE) SELURUH NEGARA UNTUK MENJATUHKAN KERAJAAN.

DENGAN INI MEREKA BERHARAP MENDAPAT KUASA TANPA MELALUI PROSES DEMOKRASI.

+SEKALI KUASA TERLEPAS KEPADA MEREKA, PEMIMPIN SOSIALIS INI AKAN SUSUN PENTADBIRAN MEREKA SUPAYA DEMOKRASI TIDAK AKAN MENGANCAM KEDUDUKAN MEREKA,+ TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR. — BERSAMBUNG

1028/A1

MAHATHIR-UMNO 6 KUALA LUMPUR

MENGENAI OPORTUNIS AGAMA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KUMPULAN INI WUJUD LEBIH AWAL LAGI TETAPI PERJUANGAN MEREKA MENJADI SAMAR-SAMAR KERANA SEBAHAGIAN DARINYA TELAH MENYERTAI KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

SERPIHAN DARI KUMPULAN INI TELAH MENCIPTA BERBAGAI GERAKAN YANG KONONNYA BERASAS KEPADA AGAMA ISLAM DAN BUAT BEBERAPA TAHUN AWALAN TUJUH-PULUHAN MEREKA INI BEKERJASAMA DENGAN PUKA SOSIALIS DARI BERBAGAI KAUM.

DEMONSTRASI-DEMONSTRASI PADA MASA ITU DISERTAI OLEH KUMPULAN INI ATAU APA YANG DITAFSIRKAN SEBAGAI SOSIALISME ISLAM (ISLAMIC SOCIALISM).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN GAGALNYA USAHA SOSIALIS, KUMPULAN-KUMPULAN AGAMA INI TELAH BERPISAH DAN BERJUANG BER-ASINGAN.

PAWAIMANAPUN, TEKTIK DAN STRATEGI MEREKA ADALAH SAMA DAN MATLAMAT JUGA ADALAH SAMA.

+MALANGNYA ADA KUMPULAN-KUMPULAN YANG BENAR-BENAR INGIN BERPANDU DENGAN AJARAN ISLAM TELAH TERPERANGKAP SEHINGGAKAN ADA AHLI-AHLI UMNO YANG TERLIBAT, + KATANYA.

+DENGAN INI MAKA SEKALI LAGI PERJUANGAN UMNO UNTUK BANGSA DAN AGAMA TERANCAM DAN TERGUGAT, + -- BERSAMBUNG 1032/A1

MAHATHIR-UMNO 7 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KUMPULAN-KUMPULAN INI SEDAR BAHAWA ISLAM MERUPAKAN KUASA YANG KUAT YANG MEMPENGARUHI NILAI-NILAI DAN GERAK-GERI ORANG MELAYU.

HAKIKAT INI DIGUNAKAN OLEH MEREKA UNTUK MEMECAH-BELAHKAN ORANG MELAYU SUPAYA MENJADI LEMAH DAN OLEH ITU TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA MEREKA.

PENGARUH MEREKA AKAN MENJADI LEBIH KUKUH DAN MENYELURUH KERANA KELEMAHAN ORANG MELAYU.

KUMPULAN-KUMPULAN INI TIDAK PUASHATI DENGAN AGAMA ISLAM KERANA TIDAK ADA PAKSAAN DAN TEKANAN DALAM ISLAM -- MEREKA LEBIH SUKA KEPADA AGAMA YANG MENJADIKAN PEMIMPIN AGAMA PEMILIK KUASA MENGHUKUM DAN MENYEKSA.

+PENDEK KATA, MEREKA INGIN MENJADI DALANG YANG BERKUASA WALAUPUN ORANG LAIN YANG MEMERINTAH, + KATANYA.

+KEJADIAN DI SEPUAH NEGARA ASIA TENGAH DI MANA KERAJAAN DILETAK DI BAWAH TELUNJUK KUMPULAN CLERGY (ULAMA) YANG BERKUASA MENGHUKUM DAN MENJALANKAN HUKUM, AMAT MENARIK MINAT KUMPULAN INI, +

KUMPULAN TERSEBUT, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, MENTAFSIRKAN BERBAGAI ILMU SEBAGAI ILMU SEKULAR YANG TIDAK HARUS DIPELAJARI OLEH ORANG ISLAM. -- BERSAMBUNG 1037/A1

195

MAHATHIR - UMNO 8 KUALA LUMPUR

DENGAN INI MEREKA BERHARAP GOLONGAN YANG TERPELAJAR DALAM DUNIA ISLAM IALAH MEREKA SAHAJA DAN GOLONGAN LAIN TIDAK BERPENGETAHUAN DAN TERPAKSA TUNDUK KEPADA MEREKA.

MEREKA JUGA TIDAK MAHU PENGANUT ISLAM BERUSAHA UNTUK Mencari KEKAYAAN WALAUPUN DALAM ISLAM TIDAK ADA KETEGAHAN TERHADAP KEKAYAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYESALI ADA TERDAPAT DIANTARA AHLI UMNO YANG TERIMA BULAT-BULAT TAFSIRAN YANG SALAH DAN NILAI-NILAI YANG BURUK YANG DITONJOLKAN OLEH GOLONGAN OPORTUNIS AGAMA.

+ADA JUGA DIANTARA KITA YANG BERPENDAPAT BAHAWA KITA HARUS MENUNJUK BAHAWA UMNO TIDAK KURANG MINATNYA DALAM AGAMA DENGAN MENGAMALKAN CARA-CARA YANG SALAH TADI, + KATA BELIAU.

+ADA YANG BERKATA BAHAWA INI ADALAH ISLAM DAN KITA HARUS BERBUAT SEPERTI MEREKA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAB ITU RAMAI DARI AHLI-AHLI DAN BAHAGIAN UMNO YANG MEMBUAT USUL-USUL SUPAYA UMNO JUGA MEMBUAT APA YANG DIPERBUAT OLEH GOLONGAN YANG MENYELEWENG DARI AJARAN AGAMA ISLAM.

ADA ORANG UMNO YANG HENDAK MENGUTAMAKAN PAKAIAN SEBAGAI UKURAN KEISLAMAN DAN ADA YANG HENDAK MENGENEPIKAN PELAJARAN YANG DITAFSIR SEBAGAI SEKULAR OLEH OPORTUNIS AGAMA. — BERSAMBUNG 1041/AI

££

B512:

MAHATHIR-UMNO 9 KUALA LUMPUR

TERDAPAT JUCA YANG HENDAK KERAJAAN YANG DIPIMPIN OLEH UMNO MELAKUKAN APA YANG SALAH DAN KEJAM TERHADAP ORANG BUKAN ISLAM SEBAGAI BUKTI KEISLAMAN KONONNYA.

+BANYAK LAGI PERBUATAN-PERBUATAN YANG SEBENARNYA BERASAS KEPADA NAFSU YANG ANGGUK KERANA KITA SUDAH BERKUASA, YANG DISURUH KITA BUAT SEBAGAI TANDA KEISLAMAN,+ TEGAS BELIAU.

+BAHAWA SEMUA INI BERTENTANGAN DENGAN ISLAM YANG SEBENARNYA DAN TIDAK PUN SELARAS DENGAN KERAJAAN ISLAM YANG SEBENAR DI BAWAH PIMPINAN NABI DAN SAHABAT-SAHABATNYA, TIDAK DIAMBIL KIRA.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA UMNO TIDAK SEHARUSNYA TERPERANGKAP DENGAN USAHA KUMPULAN-KUMPULAN DAKWAH SONGSANG DAN MEREKA YANG DIDORONG OLEH NAFSU.

+KITA HARUS INGAT BAHAWA KITA TIDAK LARI DARI ASAS ISLAM DALAM PERJUANGAN KITA,+ TEGASNYA.

+JAUH LEBIH AWAL DARI PARTI LAIN DAN KUMPULAN LAIN KITA TELAH BERIKRAR UNTUK MELINDUNG ISLAM DI MALAYSIA INI DAN MEMAJUKANNYA

— DAN IKRAR INI TIDAK TINGGAL IKRAR SAHAJA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO HARUS PEGANG KEPADA AGAMA ISLAM YANG SEBENAR DAN TIDAK TERPENGARUH DENGAN +SANDIWARA YANG SEDANG DIPERLINDUNG OLEH SETENGAH-SETENGAH ORANG LAIN.+

BELIAU BERKATA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH ORANG ISLAM ADALAH LEBIH BESAR DARI SOAL WARNA DAN BENTUK PAKAIAN DAN SOAL ADANYA TEMPAT SEMBAHYANG DIATAS KAPALTERBANG ATAU KERETAPI.

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH ISLAM IALAH MASALAH HIDUP-MATI, MASALAH PERSAUDARAAN DAN PERPADUAN, MASALAH KEHORMATAN TERHADAP ISLAM DAN PENGANUT PENGANUTNYA DAN MASALAH PERKEMBANGAN ISLAM DAN PEMANCARAN CAHAYANYA KE SUDUT-SUDUT DUNIA YANG MASIH GELAP, KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA UMNO DAN ORANG ISLAM DI MALAYSIA TIDAK HARUS MEMILIKI SIKAP YANG SALAH.

+KITA TIDAK HARUS KHAYAL DAN BERKATA BAHAWA SEBENARNYA KITA BETUL DAN BERJAYA SEDANGKAN JELAS DI MATA UMUM KITA TIDAK BETUL DAN TIDAK BERJAYA,+ TEGAS BELIAU.

+DENGAN PENGETAHUAN INI MAKA DAPATLAH KITA BETULKAN YANG TIDAK BETUL DAN MENCAPAI KEMAJUAN YANG SEHARUSNYA.+ — BERNAMA 1046/AI